

Headline **Karnival usahawan pemangkin PKS**  
Date **19 Nov 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **Siti Fatimah Mohamed Anwar**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **14**  
Article Size **244 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **10,750**  
PRValue **32,249**



# Karnival usahawan pemangkin PKS

## Peluang perkenal produk ke pasaran global

Siti Fatimah Mohamed Anwar

**A**LOR SETAR: Karnival Silaturrahim dan Ekspo Perdagangan (KARSEP 2010) yang berlangsung di Dewan Wawasan, Jitra bermula 9 hingga 12 Disember ini, disifatkan sebagai landasan kepada perusahaan industri kecil dan sederhana (PKS) melebarkan sayap perniagaan, termasuk meneroka pasaran peringkat antarabangsa.

Peserta menyifatkan penganjuran KARSEP 2010 membuka ruang kepada usahawan PKS untuk mengetengahkan produk masing-masing di peringkat global kerana ia turut mendapat kerjasama Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia dan Thailand (IMT-GT).

Usahawan tudung dan pakaian umrah wanita, Hasliza Mohd Sabi, 42, berkata KARSEP 2010 disifatkan sebagai peluang keemasan diwujudkan penganjur bagi membantu usahawan PKS tempatan untuk terus berdaya saing di peringkat global.

Beliau yang mengusahakan butik tudung dan pakaian umrah wanita Ratina Collection di Jalan Pegawai di sini, berkata hakikatnya usahawan PKS tempatan tidak mampu bergerak sen-



HASLIZA menunjukkan pelbagai jenis corak tudung yang dijual di KARSEP 2010, di Dewan Wawasan, Jitra, semalam.

diri terutama dalam hal berkaitan promosi dan usaha untuk memperluaskan rangkaian perniagaan sedia ada.

"Justeru, KARSEP 2010 dilihat sebagai batu loncatan untuk usahawan PKS memperluaskan jaringan perniagaan yang sudah tersedia, selain melakukan penambahan terhadap produk dihasilkan," katanya.

Usahawan produk kesihatan, Aini Othman, 48, berkata, keputusan untuk menjadi peserta dalam KARSEP 2010 dibuat selepas menilai kesan positif terhadap perniagaannya.

Beliau berkata, penganjuran KARSEP 2010 disifatkan relevan bagi memenuhi permintaan pasaran semasa selain memberi impak besar kepada pengusaha atau usahawan tempatan yang terbahit.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) adalah penganjur bersama KARSEP 2010, selain turut disokong Jabatan Perdana Menteri, SME Corp Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, UUM, HDC serta Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Kedah.